Praktis Pintar

A Isi tempat kosong dengan kata arah yang paling sesuai.

bawah | belakang | dalam | sebelah | sisi | atas | hadapan | luar | tengah

1 Kapal itu belayar ke _____ laut.

2 Rumah Aisyah terletak di _____ balai raya.

3 Jiran di _____ rumah saya sangat peramah.

4 Datuk tertidur di _____ sofa kerana kepenatan.

5 Meor berteduh di _____ pokok yang rendang itu.

6 Ibu sentiasa berada di _____ ayah semasa ayah sakit.

7 Ibu menyimpan semua peralatan yang tajam di _____ laci.

8 Cikgu Suhana meminta murid-murid beratur di _____ kelas.

9 Ahmad diminta berdiri di _____ Zali kerana dia lebih tinggi.

B Pilih kata arah yang betul berdasarkan gambar.

1 Julia meletakkan buku di _____ meja.

A atas
B bawah
C tepi
D tengah

2 Vivianne mengambil surat yang diserahkan oleh posmen di _____ rumahnya.

A bawah
B belakang
C atas
D hadapan

3 Cikgu Razlan berdiri di _____ meja sambil memerhatikan murid-murid yang sedang menduduki peperiksaan.

A dalam
B atas
C tepi
D tengah

CS 扫描全能王 创建
LIVEWORKSHEETS